



# Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 15 November 2013

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**BILANGAN 30 TAHUN 2013**

**ANALISA KEPERLUAN LATIHAN (TNA)**  
**LEMBAGA GETAH MALAYSIA BAGI TAHUN 2014/2015**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) sedang melaksanakan analisa keperluan latihan (TNA) bagi program latihan dan kursus bagi tahun 2014/2015.

Sehubungan itu, kerjasama dan maklumbalas daripada semua anggota LGM adalah diperlukan bagi melengkapkan borang analisa keperluan latihan (LAMPIRAN 1). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Pegawai Latihan Unit/Penolong Pegawai Latihan Unit masing-masing **sebelum atau pada 25 November 2013 (ISNIN)**.

Satu bengkel analisa keperluan latihan bersama Pegawai Latihan Unit dan Penolong Pegawai Latihan Unit akan diadakan pada 28 November 2013 (Rabu) untuk menyelaraskan maklumat keperluan latihan yang telah dikumpul di peringkat unit masing-masing dan dikemukakan pada hari bengkel tersebut.

Segala perhatian dan kerjasama Dr./tuan/puan/cik amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
*"Kreatif, Inovatif, Progresif"*

**(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)**

s.k YBhg Datuk Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian